

23/01/1999

AIA labur RM4.7 bilion

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelaburan American International Assurance (AIA) sehingga tahun lalu di negara ini berjumlah RM4.7 bilion dengan lebih 20 peratus dilabur dalam sekuriti kerajaan, kata Pengerusi American International Group (AIG), Maurice R Greenberg.

Menurutnya, AIA turut melabur dalam pelbagai projek sektor ekonomi termasuk bank, syarikat dan infrastruktur, antaranya bekalan air Sabah dan projek transmisi elektrik LBI.

Beliau berkata, semua premium yang dihasilkan AIA Malaysia dilaburkan semula dan digunakan di negara ini bagi menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

"Kami percaya bahawa nilai asas AIA yang mengutamakan pelanggan, pertumbuhan keuntungan, peningkatan berterusan, tanggungjawab peribadi, semangat berpasukan dan budaya berteraskan hubungan kemanusiaan menjadikan kami salah sebuah syarikat terulung di Malaysia," katanya.

Beliau berucap sempena pelancaran logo baru dan sambutan Ulang Tahun ke-50 AIA yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, malam ini.

AIA yang memulakan operasi pada 1948 di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Sandakan dan Kuching berkembang pesat dan sehingga kini mempunyai 22 pejabat cawangan di seluruh negara.

Greenberg berkata, ketika masalah kegawatan ekonomi melanda negara di Asia, ramai pelajar dari negara terbabit yang menghadapi masalah kewangan kerana tidak mampu membiayai bayaran pendidikan.

Bagaimanapun, beliau berkata, daripada jumlah itu seramai 113 pelajar Malaysia berpeluang mendapat tajaan daripada AIG.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan dan Pengurus Besar AIA, Edward Bush menyifatkan kejayaan jangka panjang AIA di Malaysia adalah hasil usaha gigih syarikat menyediakan perkhidmatan bermutu tinggi.

Menurutnya, ia turut digabungkan dengan pelancaran pelbagai produk inovatif dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan insurans rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat.

Beliau berkata, dari segi penguasaan pasaran, AIA adalah syarikat insurans nyawa kedua terbesar di Malaysia dan menguruskan sumber kewangan lebih sejuta rakyat Malaysia dengan hampir 10,000 kakitangan dan ejen insurans.

(END)